



POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Unisem (M) Berhad, syarikat Malaysia terunggul dalam menyediakan pembungkusan separa konduktor secara menyeluruh dan perkhidmatan pengujian. Adalah menjadi polisi pihak pengurusan kami menekankan kebajikan, kesihatan dan keselamatan pekerja. Kami menganggap pekerja sebagai aset yang paling berharga, dan adalah polisi kami untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan supaya boleh menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat demi pekerja dan orang awam. Kami akan melaksanakan kerja-kerja dan memastikan tempat kerja kami, yang sejajar dengan prinsip-prinsip dan garis panduan yang terkandung dalam polisi ini.

Polisi kami ialah

- **Mengalakkan persekitaraan kerja yang membantu pekerja dalam kerjanya, sesuai dari segi keperluan fisiologikal dan psikologikal mereka.**
- **Mematuhi keperluan undang-undang, kod-kod, garis panduan, piawaian kesihatan dan keselamatan.**
- **Merujuk dan mengambil bahagian bersama pihak yang berkenaan mengenai bahaya berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan, serta penambahbaikan setelah dikenalpasti.**
- **Memastikan kerjasama dan sikap bertanggungjawab antara pihak berkenaan dalam menerapkan pelaksanaan terbaik dan juga persekitaran kerja untuk **mencegah kecederaan**, masalah kesihatan, penyakit pekerjaan, menghapus bahaya dan **mengurangkan risiko** melalui pengesanan risiko secara sistematik, penilaian, kawalan operasi, latihan dan juga arahan yang telah diberikan.**
- **Menasihati pelawat syarikat tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi dan difahami semasa berada di dalam kawasan Syarikat.**
- **Mengakui kewajipan syarikat kepada konsumen dan orang awam dengan berusaha pada setiap masa untuk menghasilkan produk yang selamat, jika digunakan dengan sempurna untuk tujuan yang mana ia dihasilkan.**
- **Melaksanakan dan mengekalkan sistem-sistem untuk pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, termasuk laporan kemalangan, merekodkan, memantau objektif-objektif.**

Pihak pengurusan berjanji akan mematuhi dan memberi sokongan terhadap sistem keselamatan dan kesihatan dengan memantau dari semasa ke semasa berhubung dengan polisi, objektif, prosedur operasi, pengendalian, penstoran dan pengangkutan yang berhubungkait dengan semua pekerja.

CS Ho
Ketua Pegawai Operasi